
[BIL. 23 MAC 2019](#)

Hassan Al Faiz Mohamed terima Biasiswa Merce

Mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan (FKMP) yang sedang mengikuti pengajian program kerjasama UMP-HsKA iaitu Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Mekanikal menerima biasiswa daripada Mercedes-Benz Malaysia (MBM) Sdn. Bhd. sepanjang pengajian di universiti.

Majlis menyaksikan Hassan Al Faiz menandatangani perjanjian bersama Timbalan Presiden Mercedes-Benz Malaysia, Pengurus Sumber Manusia MBM, Norlida Sharif sambil disaksikan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Penyelidikan) Wan Yusoff dalam majlis yang berlangsung di MBM Pekan pada 13 Mac 2019 yang lalu.

Bagi Hassan Al Faiz, 21, beliau tidak menyangka terpilih untuk menerima biasiswa ini. Namun bersyukur dan berterima kasih kepada MBM kerana memberi peluang kepadanya.

“Peluang ini pastinya akan saya gunakan sebaik mungkin dalam memanfaatkan ilmu yang dipelajari dan mengaplikasikannya dalam kerjaya saya,” katanya.

Manakala Presiden Mercedes-Benz (M) Sdn. Bhd., Patrick Baur pula berkata, pihaknya berbesar hati menandatangani perjanjian dengan Hassan Al Faiz yang merupakan pelajar kedua selepas Usamah Shamsudin yang merupakan bekas graduan Kejuruteraan Mekatronik pada tahun 2017.

Dalam pada itu, Profesor Ir. Dr. Wan Azhar pula merakamkan setinggi- tinggi penghargaan terima kasih mengiktiraf mahasiswa UMP dan sentiasa bekerjasama dengan UMP dalam menjalinkan hubungan bersejajar dalam pembangunan akademik dan sokongan teknikal serta pembangunan modal insan melalui penawaran perkhidmatan dwijajah.

Mengikut rekod daripada Jabatan Jaringan Industri & Masyarakat (ICoN), hanya 11 orang sahaja layak berbanding 21 permohonan yang diterima dan pihak MBL telah memilih Hassan Al Faiz menerima manfaat.

Hadir sama dalam majlis Dekan FKMP, Profesor. Dr. Rizalman Mamat dan pensyarah FKPM, Dr. Mohd Ha

PM Dr. Mohd. Ridzuan Darun dilantik Pendaftar ba

Profesor Madya Dr. Mohd Ridzuan Darun dilantik sebagai Pendaftar yang juga Ketua Pegawai Operasi yang baharu berkuat kuasa mulai 15 Mac ini untuk tempoh dua tahun.

Profesor Madya Dr. Mohd Ridzuan, 45 yang kini juga merupakan Dekan Fakulti Pengurusan Industri dan pengurusan memiliki ijazah kedoktoran dalam bidang perakaunan dari Lincoln University New Zealand (MBA) dari Universiti Utara Malaysia (2006) dan Ijazah Sarjana Muda Sains Kewangan dari Southern Illinois

Beliau pernah dilantik sebagai Ketua Program MBA di FIM selama dua tahun sebelum dilantik menjadi Dek

Menurutnya, pelantikan ini merupakan satu tugas besar yang perlu digalas olehnya dan bertekad untuk memacu ke arah kecemerlangan universiti.

Kehadiran beliau memulakan tugas hari ini disambut staf Jabatan Pendaftar di lobi Canseleri Tun Abdul Razak.

Dalam pada itu, universiti juga melantik Dzull Zabarrod Ahmad, 57, sebagai Pemangku Ketua Pustakawan menggantikan Haji Ruslan Che Pee yang bersara dalam perkhidmatan.

Beliau yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Fizik) dari Universiti Malaya (UM) dan Diploma Lanjutan Sarjana (MARA (UiTM) serta Sarjana Pengurusan Informasi (UiTM) sebelum ini pernah berkhidmat di Perpustakaan

ICoN teroka jaringan kerjasama strategik untuk manfaat in

Oleh: SITI NURFARMY IBRAHIM, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Bertindak sebagai penghubung antara ahli akademik bersama pihak industri dan masyarakat, Jabatan Komunikasi Korporat Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah melebarkan peluang jaringan kerjasama strategik melibatkan beberapa pihak yang lalu.

Melalui penerokaan dan perkongsian strategik ini, ICoN dilihat dapat mengukuhkan lagi proses libat sama dengan pihak-pihak yang berperanan lebih terarah dan efektif sejajar dengan perubahan ke arah *Industry Revolution 4.0*.

Menurut Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat), Profesor Dr. Jamil Ismail, kunjungan beliau ke dalam perkongsian pengalaman pihak Koperasi Pembangunan Desa (KPD) bersama pihak OISCA International

“UMP telah terpilih menjadi ahli OISCA Malaysia dan jalinan kerjasama kini dirangka yang mana akan da dalam program kemahiran pertanian, perhutanan dan penyelidikan dalam bidang berkaitan.

“Selain itu, perkongsian pengalaman hasil pertemuan dengan pihak Petrosains Sabah turut memb pelaksanaan program-program berbentuk Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM) di kawa begitu mencabar.

“ICoN turut mengadakan lawatan amalan terbaik dalam pengurusan libat sama jaringan industri dan *Community Network* (CICN) di Universiti Malaysia Sabah (UMS),” katanya.

Turut diadakan program kerja berpasukan (team building) bagi memupuk semangat kerjasama yang leb dalam jabatan dengan pelbagai aktiviti diadakan antaranya water confident, fear factor serta kerja berkump

Program ini mampu menerapkan budaya kerja profesional terutamanya dalam jalinan aktiviti kerjasama ke organisasi.

Perpustakaan UMP laksana Program *Waste4Fine* bayar denda

Oleh: WAN NURULHUDA WAN ZAKARIA, PERPUSTAKAAN UMP

Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) membenarkan pembayaran denda lewat pemulangan b atau tin yang mula dilaksanakan sejak 13 Mac lalu menerusi Program *Waste4Fine* sebagai menyokong inis dijalankan di universiti ini.

Menurut Pemangku Ketua Pustakawan UMP, Dzull Zabarrood Ahmad, objektif utama program ini adalah kepentingan kitar semula di samping membolehkan mahasiswa yang menghadapi masalah kewangan menggunakan alternatif ini.

“Kadar diskaun yang tinggi ditawarkan oleh pihak perpustakaan iaitu bagi setiap botol untuk pembayaran 1000 mililiter akan mendapat diskaun 10 sen manakala botol bersaiz melebihi 1000 mililiter dengan harga 20 sen.”

“Dalam pada itu hari pembayaran menggunakan botol minuman ini dihadkan setiap hari Rabu sahaja dan merupakan satu inisiatif yang berkesan.”

“Pengguna juga dibenarkan untuk membuat pembayaran penuh ataupun sebahagian denda dengan menggunakan kad kredit atau kad debit. Ini adalah satu langkah yang baik,” katanya.

Sementara itu, Pustakawan UMP, Wan Nurulhuda Wan Zakaria berkata, staf yang bertugas di kaunter simpanan dalam sistem perpustakaan dan memberi resit pembayaran kepada pengguna yang telah selesai melakukan transaksi tersebut.

“Pihaknya juga bakal mengadakan Majlis Pelancaran *Waste4Fine* yang dijadual pada 17 April 2019 dengan bertujuan menggalakan warga UMP untuk turut sama menjayakan program ini.

“UMP juga telah melaksanakan Kempen *'Let's Break Up with Single-Use Plastic'* bagi mengurangkan penggunaan plastik sekali guna.”

“Ini adalah usaha berterusan hasil inisiatif Jawatankuasa Kelestarian UMP di bawah Kluster Pengurusan Alam Sekitar yang bertujuan menghapuskan penggunaan *single-use plastics* di UMP,” katanya.

Pelbagai program telah dilaksanakan pihak Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OHS) untuk meningkatkan kesedaran terhadap usaha ini termasuklah *MYTAPAU* yang membolehkan mahasiswa diberikan insentif untuk membawa makanan sendiri untuk membungkus makanan di kafeteria universiti.

UMP tersenarai pada kedudukan ke-97 terbaik dunia dan ke-6 terbaik di Malaysia dalam Penarafan UI GreenMetric 2019 berdasarkan usaha kelestarian kampus hijau dan pengurusan alam sekitar yang telah diumumkan baru-baru ini.

-
- 141 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

